



Kerajaan sasar syarikat korporat, GLC ambil 500 jadi sekolah angkat

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	181,938	Circulation	90,969
PR Value	54,581	Page	3

Page Location



Kerajaan sasar syarikat korporat, GLC ambil 500 jadi sekolah angkat

Putrajaya: Kerajaan menyasarkan 500 sekolah di seluruh negara dijadikan sekolah angkat oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan korporat bagi membantu membangunkan institusi berkenaan.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata perkara itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

"Perdana Menteri menyentuh mengenai cadangan konsep sekolah angkat yang disebutkan pada satu majlis minggu lalu dan Perdana Menteri menegaskan bahawa angka sasaran ialah sekitar 500 sekolah.

"Perdana Menteri juga me-

maklumkan bahawa 20 sekolah sudah diambil sebagai sekolah angkat oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet.

Bantu bangunkan sekolah

Minggu lalu, Perdana Menteri mahu syarikat korporat dan GLC melaksanakan inisiatif sekolah angkat bagi membantu membangunkan sekolah di seluruh negara.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, segala usaha berhubung perkara itu akan diselaraskan Kementerian Pendidikan (KPM).

"Sekiranya ada mana-mana syarikat swasta yang berhasrat

untuk menjadikan sekolah sebagai sekolah angkat, boleh berhubung dengan pihak KPM.

"Media juga mengenai mak-

lumat yang lebih terperinci berhubung mekanisme, boleh rujuk dengan Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek)," katanya.

